



PROF. DR. AHMAD FAWZI

Bagi saya, di universiti, pelajar perlu memegang tiga prinsip penting iaitu mendapatkan ilmu, menajamkan kemahiran dan membina kemahiran.

Berjihad bukan kemahiran yang mahu kita bentuk di kalangan pelajar kerana ia tidak dapat membentuk watak.

Bagaimanapun, saya tidak salahkan Naib-Naib Canselor universiti yang lain. Mereka mungkin tidak mempunyai laporan. Saya pun dapat secara kebetulan.

Ini soal tanggungjawab. Saya setia kepada negara. Bila saya nampak elemen-elemen yang boleh menghancurkan negara, saya akan ambil inisiatif untuk memberitahu.

Saya dilatih dalam bidang ketenteraan selama lebih 26 tahun. Budaya menyiasat sentiasa ada dalam diri saya. Oleh itu, soal keselamatan adalah keutamaan saya. Saya tidak salahkan Naib Canselor lain yang berdiam diri dalam hal ini.

Ada juga yang mengatakan ini salah satu cara Prof. mencari publisiti.

Saya bukan mencari publisiti. Lagipun, untuk apa? Kalau untuk jawatan, saya kini sudah memegang jawatan sebagai Naib Canselor, satu jawatan tertinggi dalam bidang saya.

Ada orang melihat, apa yang Prof. lakukan selama ini adalah antara strategi untuk memasuki dunia politik?

Ia terlalu jauh bagi saya. Untuk masuk politik sekarang, kita perlu ada duit. Zaman menggunakan air liur sebagai modal politik sudah berakhir.

Gaji Naib Canselor bukannya besar. Cita-cita saya selepas pensen ialah sambung mengajar. Saya mahu menjadi profesor kontrak di Kedah. Itupun kalau dibenarkan. Saya tidak mempunyai masa depan kalau saya mahu masuk politik secara biasa.

Saya tidak tahu masa depan saya. Tetapi saya tidak melihat masa depan saya dalam politik. Apa yang saya lakukan kini lebih kepada faktor keselamatan.

Saya diasuh dalam ketenteraan selama 26 tahun. Mungkin itu yang membezakan tindakan saya dengan Naib-Naib Canselor yang lain.

Bagaimana penerimaan warga UUM sejak Prof. menjadi Naib Canselor pada 30 Mei lalu.

Pelantikan saya sebagai Naib Canselor UUM tidak sepatutnya menjadi kontroversi, tetapi ia telah dikontroversikan oleh pihak-pihak tertentu yang mahu-

kan Naib Canselor yang terdahulu - Datuk Md. Noor disambung perkhidmatannya.

Tetapi setelah disiasat, daripada 1,730 kakitangan, hanya enam orang sahaja yang menentang pelantikan saya. Saya atasinya dengan membuat penjelasan kepada kakitangan. Syukur Alhamdulillah, kini semuanya berjalan dengan baik. Tiada penentangan daripada kakitangan.

Kepada kakitangan, saya selalu tekankan tanggungjawab mereka adalah kepada universiti dan negara. Saya menggalakkan mereka melakukan penyelidikan dan menerbitkan hasil-hasil penyelidikan kepada masyarakat.

Saya juga sudah menyusun semula organisasi pengurusan akademik. Sekolah-sekolah akan ditukarkan menjadi fakulti kerana pelajar kini semakin ramai. Perlu ada jabatan-jabatan di bawahnya untuk menguruskan program akademik.

Kurikulum UUM juga sudah disemak semula. Saya mahu menjadikan UUM sebagai sebuah universiti pengurusan yang unggul dan bertaraf dunia.

Semua pelajar akan diberikan kemahiran teknologi maklumat (IT) dan bahasa Inggeris. Malah, kami akan menyediakan kursus intensif bahasa Inggeris kepada semua pelajar baru tidak lama lagi. Ini adalah salah satu proses pengukuhan imej pelajar UUM.

Sejak memegang jawatan pada 30 Mei yang lalu, adakah Prof. sudah berada dalam keadaan selesa di UUM kini?

Dalam bahasa ketenteraan, saya boleh katakan saya kini berada dalam kedudukan *over command*.

Prof. nampaknya banyak terpengaruh dengan unsur-unsur ketenteraan kerana terlatih dalam bidang itu selama 26 tahun. Adakah pendekatan ketenteraan akan menjadi asas pimpinan Prof. di UUM dalam masa dua tahun lima bulan lagi?

Bagi saya, bangsa Melayu terutamanya, mesti ada unsur-unsur paksaan sehingga mereka berjaya. Lihat sahaja pengenalan pemakaian tali leher oleh pelajar UUM dahulu. Ramai yang menentang. Tetapi sekarang, mereka dapat menerimanya.

Begitu juga dengan kokurikulum ber kredit. UUM yang mempeloporinya dan juga mendapat tentangan hebat pada mulanya. Tetapi akhirnya ia diterima juga dan diikuti oleh universiti-universiti lain. Bagi saya, unsur-unsur paksaan dan ketegasan ini perlu ada, asalkan matlamat kita baik.

Kita kena berani menentang arus kalau kita yakin arus itu akan menjadi arus perdana, teruskan.

Prinsip saya, saya tidak takut untuk membuat sesuatu perubahan dan saya sanggup menerima risiko. Saya pentingkan hasil.

Conscience kita mesti jelas. Saya menjadi Naib Canselor hanya untuk tiga tahun. Tidak guna selepas tiga tahun baru kita memberi cadangan.

Saya juga tidak kisah kalau selepas saya cakap sesuatu, saya akan diturunkan pangkat. Kalau nak turunkan pangkat saya, turunkanlah.

Bagi saya, tidak salah saya membuat pembetulan demi perubahan. Saya juga mahu menegaskan segala keputusan yang saya buat bukanlah secara diktator. Ia adalah hasil perbincangan. Saya juga sedia dikritik. Tak perlu melalui surat layang.